

**Aplikasi Kerja Amali Elemen Ekonomi Rumah Tangga Dalam Kehidupan Sehari-hari  
Dikalangan Pelajar Lelaki Tingkatan Empat Di Dua Buah Sekolah Menengah Kebangsaan  
Dalam Daerah Tanah Merah, Kelantan**

Yusof Bin Boon & Saipulbahri Bin Saari

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak :** Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti adakah pelajar-pelajar lelaki SMK Tanah Merah 1 dan SMK Ipoh, Tanah Merah Kelantan mengaplikasikan elemen ERT dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu. Kajian berbentuk diskriptif dijalankan ke atas 80 orang pelajar sekolah terbabit. Satu set soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian dan telah diedarkan kepada responden untuk mendapatkan maklumbalas. Analisis data diproses menggunakan perisian *Statistical Package for The Social Sciences versi 14.0* (SPSS) untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratus dan min. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti pendapat pelajar, dorongan ibu bapa, minat dan amalan langkah-langkah keselamatan tentang pengaplikasian elemen ERT dalam kehidupan harian di kalangan pelajar lelaki. Hasil kajian juga mendapati pelajar berpendapat mereka memperoleh ilmu pengetahuan apabila mengaplikasikan elemen ERT di rumah. Ibu bapa juga merupakan pendorong mereka dalam melakukan kerja-kerja rumah seperti menjahit, memasak dan mengemas rumah. Pelajar juga berminat untuk mengaplikasikan elemen ERT pada tahap yang sederhana. Pelajar mengamalkan langkah-langkah keselamatan semasa mereka mengaplikasikan elemen ERT di rumah. Antara cadangan yang dikemukakan ialah pelajar perlu diberi peluang untuk menunjukkan kebolehan mereka, pihak sekolah boleh mengadakan pertandingan seperti pertandingan memasak, menjahit, mengemas, dan lain-lain untuk meningkatkan minat serta menggalakkan pelajar lelaki mengaplikasikan kemahiran yang diperolehi, guru perlu melaksanakan satu proses pengajaran pembelajaran yang lebih menarik supaya dapat menarik minat pelajar untuk mengaplikasikan elemen ERT dan ibu bapa perlu memberi dorongan kepada anak lelaki mereka untuk mengaplikasikan elemen ERT di rumah.

*Katakunci :* aplikasi kerja amali, elemen ekonomi rumah tangga, kehidupan sehari-hari

## **Pendahuluan**

Negara kita sudah menetapkan untuk mencapai wawasan 2020 iaitu menjadi negara maju berdasarkan acuan sendiri menjelang tahun berkenaan. Kita sudah pun mengharungi fasa 16 tahun yang pertama wawasan 2020 sejak ia dilancarkan pada tahun 1991. Pelbagai rintangan telah pun kita harungi, krisis mata wang, wabak Sindrom Wabak Pernafasan Yang Teruk (SARS), selsema burung, dan Tsunami. Kini tinggal 14 tahun lagi sebelum 2020. Ianya memerlukan sesuatu yang mantap dan proaktif dari seluruh rakyat Malaysia bagi mencapai cita-cita tersebut. Menyedari hakikat yang perlu dihadapi, kerajaan telah memperkenalkan Misi Nasional menerusi Rancangan Malaysia ke-9 (RMK-9) yang dilancarkan pada 31 Mac 2006. Antara lain yang digariskan dalam Misi Nasional ialah pembangunan modal insan sebagai salah satu daripada lima teras utamanya. Pembangunan modal insan juga di tekankan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010. (Majalah Pendidik, keluaran Mei 2007)

Sehubungan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Kurikulum yang bersidang pada 29 September 1988, telah memutuskan bahawa mata pelajaran Kemahiran Hidup hendaklah dilaksanakan di semua sekolah menengah rendah pada tahun 1989 bagi menggantikan keempat-

empat mata pelajaran aneka jurusan tersebut. Pada tahun 1989, mata pelajaran Kemahiran Hidup Program Peralihan telah diperkenalkan di semua sekolah menengah rendah bagi menggantikan program aneka jurusan, akan tetapi program ini hanya dilaksanakan dua tahun sahaja. Pada 1991, program tersebut telah digantikan pula dengan mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) sehingga sekarang. Walau bagaimana pun banyak perubahan telah dibuat bagi memantapkan lagi pelaksanaan mata pelajaran tersebut.

Mengaplikasikan elemen Ekonomi Rumah Tangga Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu dalam kehidupan seharian diharap sedikit sebanyak dapat membantu usaha kerajaan untuk melahirkan modal insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang serta dapat memberi sumbangan kepada keluarga dan juga keharmonian masyarakat seperti yang dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Negara.

### **Pernyataan Masalah**

Kajian ini dijalankan bagi mengkaji tahap pengaplikasian kerja amali elemen Ekonomi Rumah Tangga Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu dikalangan pelajar-pelajar lelaki tingkatan Empat dalam kehidupan seharian mereka. Aspek yang ingin dikaji ialah tahap pengaplikasian pelajar dalam melakukan kerja-kerja rumah seperti menjahit, memasak dan juga mengemas rumah. Selain itu juga, kajian ini dijalankan untuk mengkaji tahap dorongan ibu bapa kepada pelajar untuk melakukan kerja-kerja tersebut. Kajian ini juga bertujuan mengkaji tahap pengamalan langkah-langkah keselamatan yang dipelajari ketika kerja amali di sekolah semasa mereka melakukan kerja-kerja rumah. Seterusnya tujuan kajian ini dijalankan untuk mengkaji tahap minat pelajar-pelajar untuk melakukan kerja-kerja rumah seperti menjahit, memasak dan juga mengemas rumah.

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Menenalpasti tahap pengaplikasian elemen Ekonomi Rumah Tangga Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu yang dipelajari di tingkatan satu, dua dan tiga di dalam kehidupan seharian dikalangan pelajar.
- ii. Menenalpasti tahap dorongan ibu bapa kepada pelajar untuk melakukan kerja-kerja rumah seperti menjahit, memasak serta mengemas rumah.
- iii. Menenalpasti tahap pengamalan langkah-langkah keselamatan oleh pelajar semasa mereka melakukan kerja-kerja rumah seperti menjahit, memasak dan mengemas rumah.
- iv. Menenalpasti tahap minat pelajar lelaki terhadap elemen Ekonomi Rumah Tangga Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu tingkatan satu, dua, dan tiga.

### **Kepentingan Kajian**

Kajian ini amat penting untuk mengetahui sejauh manakah elemen Ekonomi Rumah Tangga Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu tingkatan 1, 2, dan 3 diaplikasikan oleh pelajar-pelajar lelaki dalam kehidupan seharian mereka. Hasil kajian ini diharapkan dapat:

- i. Membantu pihak-pihak yang berkenaan khususnya warga pendidik dalam meningkatkan ilmu pengetahuan mereka dalam bidang elemen Ekonomi Rumah Tangga supaya lebih berkesan lagi untuk generasi akan datang.
- ii. Menimbulkan minat pelajar lelaki dalam bidang Ekonomi Rumah Tangga supaya dapat menjalankan aktiviti harian mereka dengan lebih berfaedah lagi.

- iii. Memberi kesedaran kepada pelajar lelaki supaya dapat memainkan peranan yang sewajarnya agar dapat membantu meningkatkan ekonomi keluarga mereka.
- iv. Memberi kesedaran kepada ibu bapa tentang pentingnya dorongan mereka dalam memastikan pelajar dapat mengaplikasikan elemen Ekonomi Rumah Tangga dalam kehidupan seharian anak-anak mereka.

### **Reka Bentuk Kajian**

Rekabentuk kajian yang digunakan ialah rekabentuk deskriptif atau keperihalan. Deskriptif merujuk kepada kaedah statistik untuk menerangkan ciri-ciri satu kumpulan sampel (Mohd. Najib, 1999). Vockel (1983) pula menyatakan bahawa penyelesaian secara deskriptif memberikan gambaran tentang keadaan yang sedia ada. Reka bentuk ini sesuai digunakan kerana ia dapat menerangkan fenomena yang sedang berlaku. Deskriptif atau keperihalan di bawah kajian jenis tinjauan. Kajian tinjauan merupakan kajian yang digunakan untuk meninjau situasi pada suatu masa ( Mohd. Najib, 1998). Kajian ini dijalankan dengan menggunakan satu set borang soal selidik, iaitu pengaplikasian komponen Ekonomi Rumah Tangga (ERT) dalam kehidupan seharian pelajar. Set soalan ini mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A merangkumi enam soalan yang berkaitan dengan latar belakang responden. Bahagian B mengandungi 40 item yang akan dikemukakan untuk mendapatkan maklumbalas mengenai pengaplikasian komponen Ekonomi Rumah Tangga (ERT) dalam kehidupan seharian pelajar.

### **Sampel dan Populasi Kajian**

Mohd Najib (1999) menyatakan bahawa sampel adalah sumber untuk mendapatkan data kelompok individu yang diselidiki dan perlu dikenalpasti. Majid (1994) pula menyatakan sampel adalah sekumpulan kecil unsur yang diambil daripada satu rangka persampelan. Sampel mewakili sesuatu populasi di dalam sebarang tinjauan. Tinjauan bertujuan untuk membuat kesimpulan mengenai populasi berdasarkan maklumat yang terkandung di dalam sampel.

Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar lelaki menengah rendah dari Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Merah 1 (SMKTM 1) dan Sekolah Menengah Ipoh, Tanah Merah, Kelantan yang mengambil komponen Ekonomi Rumah Tangga ( ERT ) semasa tingkatan satu, dua, dan tiga. Kajian tertumpu kepada semua pelajar lelaki tingkatan empat iaitu sebanyak 47 orang pelajar di SMK Tanah Merah Satu dan 37 orang pelajar di SMK Ipoh, Tanah Merah. Kajian berbentuk deskriptif ini dipilih kerana ia bersesuaian dengan matlamat kajian yang ingin mengumpul maklumat yang berkaitan mengaplikasikan pengetahuan dan pengalaman oleh responden. Bentuk kajian ini merupakan kaedah yang paling sesuai untuk membuat tinjauan ke atas responden. Soalan soal selidik yang disediakan adalah jenis tertutup di mana ia menggunakan skala lima mata dan responden dikehendaki memilih jawapan berdasarkan kepada skala yang telah disediakan (Mohd. Majid, 2001)

### **Instrumen Kajian**

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Soal selidik digunakan kerana ia mudah ditadbir setelah dibina dengan baik dan data senang diproses untuk analisis (Mohd Najib, 1999). Selain dari itu ia amat menjimatkan masa bagi mendapatkan maklumat kajian. Satu set borang soal selidik akan diedarkan kepada sampel bagi mendapatkan maklum balas.

Soal selidik ini akan dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian yang pertama akan meninjau tentang latar belakang dan maklumat peribadi serta kehidupan responden. Manakala pada bahagian yang kedua pula akan menjawab empat persoalan tentang kajian yang dilakukan. Pecahan dan bilangan soalan adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 1.

**Jadual 1 : Taburan Item Soal Selidik Mengikut Aspek Kajian**

Perkara	Nombor Item	Jumlah
<b>Bahagian A</b>		
Bibliografi pelajar	1, 2, 3, 4, 5	5
<b>Bahagian B</b>		
Pendapat pelajar	1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10	10
Minat pelajar	11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20	10
Dorongan Ibu bapa	21, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30	10
Amalan Keselamatan	31, 32, 33, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 40	10
<b>Jumlah</b>		45

Bahagian B soal selidik akan menggunakan skala Likert. Ianya akan memudahkan responden untuk menjawab dengan lebih tepat tentang persoalan yang dikemukakan. Set skala Likert adalah seperti yang ditunjukkan di dalam jadual di sebelah.

**Jadual 2: Maklum Balas Responden Mengikut Skala Likert**

Jawapan	Skor
Sangat tidak setuju (STS)	1
Tidak setuju (TS)	2
Tidak pasti (TP)	3
Setuju (S)	4
Sangat setuju (SS)	5

### **Kajian Rintis**

Satu kajian telah dijalankan sebelum borang soal selidik diedarkan kepada responden. Tujuan dijalankan kajian rintis adalah untuk menentukan keesahan soal selidik kepada responden serta untuk menentukan keesahan soal selidik yang telah dibina oleh pengkaji. Borang soal selidik berkenaan telah diproses untuk mendapatkan indeks kebolehpercayaan bagi memantapkan soal selidik. Kajian rintis dilaksanakan terlebih dahulu kepada 10 orang pelajar lelaki tingkatan empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abdul Aziz, Kuala Selangor. Data yang telah diperolehi telah diproses dengan menggunakan program *Statistical Package for Sosial Sciences* (SPSS) versi 14.0 untuk mencari kebolehpercayaan item-item soal selidik tersebut. Jadual menunjukkan hasil keputusan kajian rintis keseluruhan nilai indeks kebolehpercayaan ialah 0.898.

Menurut Mohd Najib (1997), nilai alpha 0.5 – 0.6 adalah memadai bagi instrumen yang dibina sendiri. Keputusan ini menunjukkan item-item atau alat ukur yang dibina sendiri mempunyai ketekalan dan sesuai diguna dalam kajian.

**Jadual 3 : Hasil Keputusan Kajian Rintis Mengikut Persoalan Kajian**

Bil	Persoalan Kajian	Nombor Item	Nilai Alpha Cronbach
1.	Apakah tahap pengaplikasian elemen Ekonomi Rumah Tangga Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu yang dipelajari oleh pelajar dalam kehidupan seharian?	1 hingga 10	0.865
2.	Apakah tahap minat pelajar untuk melakukan kerja-kerja rumah seperti menjahit, memasak dan juga mengemas rumah?	11 hingga 20	0.830
3.	Apakah tahap dorongan ibu bapa kepada pelajar untuk melakukan kerja-kerja rumah seperti menjahit, memasak serta mengemas rumah ?	21 hingga 30	0.755
4.	Apakah tahap pengamalan langkah-langkah keselamatan semasa pelajar melakukan kerja-kerja rumah seperti menjahit, memasak serta mengemas rumah?	31 hingga 40	0.855

### Analisis Data

Bahagian B mengandungi 40 item soalan yang dibina berdasarkan empat persoalan kajian. Penganalisan dibuat berdasarkan kekerapan, peratusan dan min melalui penggunaan skala Likert Lima mata ukuran iaitu Sangat Tidak Setuju (STS), Tidak Setuju (TS), Tidak Pasti (TP), Setuju (S) dan Sangat Setuju (SS). Skala Likert ini dikecilkan lagi menjadi tiga mata iaitu Setuju, Tidak Setuju, dan Tidak Pasti. Ini adalah untuk memudahkan lagi analisis ke atas soal selidik yang dikemukakan kepada responden.

Di dalam persoalan kajian ini, responden ditanya mengenai pendapat mereka tentang pengaplikasian elemen Ekonomi Rumah Tangga Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu yang dipelajari di dalam kehidupan seharian. Soalan soal selidik adalah berkisar kepada pendapat mengenai penambahan ilmu pengetahuan, penambahan kemahiran, mendapat suasana bilik yang kondusif, dapat meringankan beban ibu bapa, dapat berjimat dan dapat mengisi masa lapang mereka di rumah.

Jadual 4 menunjukkan item-item yang telah dianalisis bagi persoalan kajian pertama tentang pendapat pelajar tentang pengaplikasian elemen Ekonomi Rumah Tangga Mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu yang dipelajari di dalam kehidupan seharian. Pelajar menjawab soalan berdasarkan kepada pendapat mereka terhadap pengaplikasian elemen Ekonomi Rumahtangga Mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu yang dipelajari di dalam kehidupan seharian mereka di rumah.

Jadual 4 menunjukkan analisis data taburan responden mengikut min tahap pendapat responden tentang pengaplikasian elemen Ekonomi Rumahtangga Mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu yang dipelajari di dalam kehidupan seharian. Min tertinggi di dalam jadual ini ialah 4.63 iaitu pada item tiga di mana 92.5 peratus bersetuju yang mana pelajar-pelajar dapat menikmati suasana bilik yang bersih dan ceria apabila mereka mengemas sendiri bilik tidur. Ini menunjukkan bahawa mereka berpendapat, mengaplikasikan apa yang dipelajari di sekolah

adalah sesuatu yang berfaedah. Nilai min terendah pula terdapat pada item satu di mana nilai min sama 3.85 iaitu masih berada pada tahap yang tinggi. Sebanyak 73.8 peratus responden bersetuju bahawa mereka dapat menambahkan lagi ilmu pengetahuan tentang ERT apabila menolong ibu memasak di dapur.

Dari hasil kajian didapati min keseluruhan ialah 4.26 yang menunjukkan berada pada tahap tinggi. Terdapat tiga item yang mempunyai min melebihi dari min keseluruhan dan tujuh item lagi mempunyai min yang kurang dari min keseluruhan, tetapi masih lagi berada dalam lingkungan tahap tinggi min 3.85 ke atas. Ini menunjukkan pelajar-pelajar di dua buah sekolah di daerah Tanah Merah mempunyai pendapat yang positif tentang pengaplikasian elemen ERT dalam kehidupan mereka. Mereka juga bersetuju apabila mereka mengaplikasikan apa yang dipelajari di sekolah, mereka akan mendapat sesuatu yang berfaedah bagi diri mereka.

**Jadual 4 : Taburan Responden Mengikut Tahap Pengaplikasian Elemen Ekonomi Rumah Tangga Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Yang Dipelajari Oleh Pelajar Dalam Kehidupan Sehari-hari.**

No. Item	Pernyataan	Jawapan						Min
		Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		
		Bil	%	Bil	%	Bil	%	
1.	Saya dapat menambahkan lagi ilmu pengetahuan tentang ERT apabila menolong ibu memasak.	6	7.5	15	18.7	59	73.8	3.85
2.	Kemahiran saya akan bertambah baik apabila saya menjahit sendiri pakaian saya yang koyak.	4	5.0	9	11.3	67	83.7	4.29
3.	Saya dapat menikmati suasana bilik yang bersih dan ceria apabila saya mengemas sendiri bilik tidur saya.	2	2.5	4	5.0	74	92.5	4.63
4.	Keyakinan untuk melakukan kerja amali saya bertambah apabila saya mengaplikasikan elemen ERT di rumah.	12	15	8	10.0	60	75.0	4.11
5.	Saya dapat meringankan beban ibu saya apabila saya memasak sendiri sarapan pagi.	2	2.5	10	12.5	68	85.0	4.41
6.	Saya dapat berjimat apabila saya menjahit sendiri pakaian yang koyak.	2	2.5	7	8.7	71	88.8	4.34
7.	Masa lapang saya diisi dengan kerja yang berfaedah apabila saya menolong ibu memasak di dapur.	3	3.8	11	13.7	66	82.5	4.19
8.	Rumah menjadi lebih kemas apabila saya mengemas dan menyusun atur kelengkapan rumah yang sedia ada.	4	5.0	8	10.0	68	85.0	4.29
9.	Pemahaman tentang fungsi bahagian mesin jahit akan bertambah apabila saya selalu menggunakan mesin jahit di rumah.	9	11.2	3	3.7	68	85.1	4.23
10.	Saya akan memperolehi kesihatan yang baik apabila mengamalkan sanitasi yang baik di rumah.	4	5.0	13	16.2	63	78.8	4.30
<b>Purata Min</b>								<b>4.26</b>

### Perbincangan

Kajian berbentuk tinjauan ini telah dijalankan di dua buah sekolah menengah di daerah Tanah Merah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Merah 1 dan Sekolah Menengah

Kebangsaan Ipoh, Tanah Merah, Kelantan. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui tahap pelajar-pelajar lelaki sekolah tersebut mengaplikasikan elemen yang terkandung dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) dalam kehidupan seharian mereka. Aspek yang diberi tumpuan dalam kajian ini adalah berkaitan dengan aplikasi terhadap elemen Ekonomi Rumah Tangga (ERT). Responden terdiri daripada pelajar lelaki tingkatan empat yang mengambil mata pelajaran tersebut ketika mereka berada di tingkatan satu, dua, dan tiga. Segala olahan dalam perbincangan ini adalah berdasarkan kepada empat persoalan kajian iaitu :

Dalam persoalan kajian ini, hasil dapatan kajian menunjukkan semua pelajar berpendapat bahawa mereka memperolehi pengetahuan dan kemahiran serta suasana rumah yang kemas apabila mereka mengaplikasikan Komponen Ekonomi Rumah Tangga (ERT) semasa mereka berada di rumah. Di sekolah, semasa proses pembelajaran amali, guru menunjukkan melakukan sesuatu kerja amali dan komponen-komponen yang diperlukan serta langkah-langkah untuk membuat kerja amali elemen ERT. Oleh itu, pelajar dapat mengaplikasikan di rumah dan dalam kehidupan harian tentang apa yang telah dipelajari di sekolah dengan baik mengikut kefahaman pelajar yang telah dilalui. Ini bertepatan dengan pendapat Syarifah Alawiah (1993), yang menyatakan kefahaman pelajar terhadap pembelajaran kerja amali sangat penting kerana persepsi seseorang mengenai sesuatu akan menentukan fahaman dan tingkah laku dalam situasi tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa pembelajaran akan lebih berkesan jika pelajar di dedahkan kepada suasana sebenar di mana pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari dapat diaplikasikan secara praktikal. Keputusan dalam matapelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu yang baik dikalangan pelajar adalah kerana mereka lebih memahami sesuatu yang dipelajari jika mereka mengaplikasikan kemahiran yang dipelajari di rumah. Minat dan kecenderungan memainkan peranan untuk mempengaruhi pencapaian seseorang itu dalam apa jua kegiatan termasuklah dalam pembelajaran. ( Abu Zahari, 1998). Sebagai contoh, pelajar dapat memahami fungsi komponen mesin jahit apabila mereka menjahit di rumah. Mereka juga dapat mengenali jenis-jenis jahitan apabila mereka menjahit sendiri pakaian mereka yang koyak.

Dapatan kajian dalam mengenalpasti tahap minat pelajar terhadap pengaplikasian kerja-kerja amali yang dipelajari di sekolah adalah pada tahap tinggi iaitu purata min 3.59. Ini menunjukkan bahawa pelajar berminat untuk melakukan kerja-kerja rumah sebagaimana yang mereka pelajari semasa di sekolah. Item 17 yang menunjukkan tahap min tinggi iaitu 4.41 iaitu pelajar bersetuju dengan kenyataan bahawa mereka selalu menggosok pakaian sekolah sendiri. Pelajar juga berminat untuk mengikuti mata pelajaran KHB elemen ERT di sekolah. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pelajar sentiasa meminta tunjuk ajar daripada ibu bapa mereka apabila menghadapi masalah untuk menjahit pakaian yang koyak. Ini adalah bertepatan dengan pendapat Mohd Salleh (1999) yang mengatakan minat serta kesedaran dalam diri adalah penting bagi membolehkan seseorang itu member tumpuan yang sepenuhnya semasa menghadapi proses pengajaran dan pembelajaran. Minat menjadi daya penggerak utama yang menjamin kejayaan dalam sesuatu bidang.

Dalam persoalan kajian ini, hasil dapatan kajian menunjukkan ibu bapa memberi dorongan dan juga menyuruh pelajar melakukan kerja-kerja rumah seperti menjahit, memasak serta mengemas rumah iaitu purata skor min pada tahap tinggi 3.51. Ibu bapa merupakan salah satu faktor pendorong untuk pelajar melakukan kerja-kerja tersebut. Sebanyak dua item yang menunjukkan min pada tahap tinggi dan lapan item min pada tahap sederhana. Item 23 dan 24 menunjukkan min pada tahap tinggi. Pelajar-pelajar perlu membasuh kasut dan pakaian mereka sendiri serta mengemas bilik tidur sendiri. Ini kerana pada pandangan ibu bapa mereka, pelajar perlu berdikari dalam mengurus sendiri soal kehidupan mereka.

Hanis Hazwani (2006), telah menjalankan kajian yang bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar Tingkatan Empat Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Kerian. Hasil dapatan kajiannya mendapati ibu bapa merupakan faktor penting untuk mendorong pelajar mengaplikasikan kerja amali yang dipelajari di sekolah. Norhadizah (2001), menjalankan kajian untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar komponen ERT dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Engku Tun Aminah, Johor Darul Takzim. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa ibu bapa mempengaruhi minat pelajar terhadap komponen ERT dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu dan pengaplikasian kemahiran dan pengetahuan komponen ERT dalam kehidupan harian.

Dapatan kajian dalam pengamalan langkah-langkah keselamatan semasa pelajar melakukan kerja rumah seperti menjahit, memasak serta mengemas rumah adalah pada tahap yang tinggi serta pelajar secara keseluruhannya bersetuju dengan pernyataan yang telah dikemukakan. Ini terbukti purata nilai min tinggi iaitu 3.85. Item 32 menunjukkan bahawa pelajar kurang menggunakan air panas ketika mengelap lantai dapur rumah mereka. Kurangnya kesedaran dikalangan pelajar tentang pentingnya menggunakan air panas semasa mengelap lantai adalah punca mereka tidak menggunakan air panas ketika mengelap lantai. Mereka lebih gemar menggunakan bahan pencuci lain untuk mengelap lantai.

Oleh itu aktiviti kemahiran yang hendak diaplikasikan mengutamakan penggunaan alatan yang betul dan mengutamakan langkah-langkah keselamatan dalam sebarang aktiviti yang akan dilakukan bagi mengelakkan dari berlakunya kemalangan yang tidak diingini, bak kata orang malang tidak berbau.

## **Rujukan**

- Atan Long (1984). "Psikologi Pendidikan" Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Binti Osman (2004). "Faktor-Faktor Pengaplikasian Kemahiran Elektif Ert Oleh Pelajar Tingkatan Empat Dalam Kehidupan Seharian Di Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan Pudu Dan Sekolah Menengah Cheras, Kuala Lumpur, Satu Tinjauan." Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda.
- Faizah Bt Aboo Bakar (2006). "Persepsi Pelajar Tingkatan Empat, Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Abdul Rahman Yasin, Tampoi, Johor Mengenai Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Mereka Dalam Mengaplikasikan Pengetahuan Mata Pelajaran Kemahiran Hidup (Teras) Di Dalam Kehidupan Seharian." Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda.
- Hanis Hazwani Bt Mohd Isha (2006). "Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Aplikasi Mata Pelajaran Kemahiran Hidup (Ert) Dalam Kehidupan Seharian Pelajar Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Kerian, Perak." Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda.
- Kamus Dewan (2002): Edisi Ketiga, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Lee Shok Mee (1997) . Psikologi Pendidikan 2 . Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman.
- Mohd Fuad Razali (2007). "Guru Penjana Modal Insan. Majalah Pendidik" . Mei. Bil.36, Halaman 8-17,Kuala Lumpur,Widad Publication Sdn.Bhd.
- Mohd Majid Konting (1994). "Kaedah penyelidikan Pendidikan". Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (2002). Huraian Sukatan Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia



- Roshidah Binti Mat Rashid (2001). "Aplikasi Kompenen Ekonomi Rumah Tangga (ERT) Dan Kemahiran Manipulatif Tambahan (KMT) Dalam Kehidupan Sehari-hari Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah." Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda.
- Sharifah Alawiah Alsagoff (1986). Psikologi Pendidikan II Psikologi Pembelajaran dan Kognitif, Bimbingan dan Kaunseling. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books Asia
- Widad bt Othman dan Syed Hadzir Jamalululail (1996).Kemampuan Pelajar Dalam Mengaplikasikan Kemahiran Hidup Dalam Kehidupannya." *Jurnal pendidikan* Universiti Teknologi Malaysia. Jilid 2, Bil 1 (46-58)
- Yahya Emat (1993). " Pendidikan Teknik dan Vokasional" Kuala Lumpur : IBS Buku Sdn. Bhd.
- Zulhisam Bin Zakaria (2007). " Aplikasi Kemahiran Subjek Kemahiran Hidup Di Kalangan Pelajar-Pelajar Tingkatan Empat Di Dua Buah Sekolah Menengah Dalam Daerah Raub, Pahang : Satu Tinjauan". Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda.